

EKUINAS MEMPERGIAT EKONOMI KREATIF

MENERUSI PROGRAM RESIDENSI ILTIZAM SENI KITARAN 3

*Artis Bumiputera Muda Diperkasa, Bakat Seni Diketengahkan,
22 Karya Seni Dipersembahkan di Pameran ‘Alir’*

KUALA LUMPUR, 30 April 2026: ILTIZAM, platform impak sosial Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), menandakan kemuncak Program Residensi ILTIZAM Seni (ILTIZAM Seni) Kitaran 3 dengan mempersembahkan 22 buah karya seni penuh inspirasi yang dihasilkan oleh empat (4) artis muda Bumiputera di Galeri SARENG. Bertemakan ‘Alir’, pameran ini menampilkan ekspresi kreatif unik para artis residen (RA), merangkumi pelbagai medium dan perspektif yang dihasilkan sepanjang program residensi berstruktur ILTIZAM Seni. Program selama lima bulan ini berhasrat mendalami penerokaan dan penyampaian kreatif di samping mengasah kemahiran keusahawanan di kalangan artis. Majlis yang disempurnakan oleh Dato' Abdul Mutalib Alias, Ahli Lembaga Pengarah Ekuinas dan Pengerusi Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat, telah dihadiri oleh ramai pengumpul, pencinta karya seni dan ahli industri kreatif. Sambutan ini mencerminkan pembangunan bakat seni artis Bumiputera bukan sahaja penting kepada ekosistem seni dan budaya Malaysia, tetapi juga kepada pertumbuhan mampan dan daya saing ekonomi kreatif Malaysia.

Aliff Omar Mohamad Omar, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, ILTIZAM Seni mengubah kehidupan para artis muda yang berazam dan bersemangat, dengan menyediakan mereka untuk masa hadapan dan kerjaya yang mampan sebagai seorang seniman. “Di Ekuinas, kami melihat bakat sebagai satu bentuk modal yang apabila dipupuk dan diperkasa, akan menghasilkan impak yang mendalam. Melalui ILTIZAM Seni, kami bukan sahaja memajukan kecemerlangan seni, tetapi juga memupuk daya tahan, disiplin dan minda keusahawanan yang diperlukan untuk berkembang dan bersaing dalam ekosistem seni yang kompetitif. Program residensi ini membolehkan artis Bumiputera muda kita merancang dan membina kerjaya mampan serta mendorong penglibatan bermakna dalam ekonomi kreatif Malaysia yang kian berkembang. Pelaburan kami dalam bidang seni bukan sekadar pembangunan kemahiran, ia merupakan usaha untuk mengukuhkan ekosistem dinamik yang memacu nilai-nilai budaya dan juga ekonomi, secara serentak.

Dalam kitaran ketiganya yang bermula pada Oktober 2025, **ILTIZAM Seni** mengambil pendekatan yang lebih terfokus seiring dengan evolusinya dalam ekosistem yang semakin mencabar. Pemilihan empat RA membolehkan bimbingan yang lebih mendalam dan penglibatan yang lebih bermakna. Penekanan ditingkatkan untuk mencabar norma, membina daya tahan, kesabaran dan bakat perniagaan di samping kecemerlangan kreatif. Program residensi yang berlangsung di Karak, Pahang ini juga menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menyokong transformasi menyeluruh para peserta, daripada graduan seni halus kepada seniman profesional.

Aliff Omar menambah, “Kami komited untuk mengubah kehidupan dengan cara yang terangkum dan mampan. Kerjaya kreatif bukan sahaja berlandaskan bakat, tetapi juga daya ketahanan dan kebolehsuaian. Dengan menggabungkan bimbingan mentor dengan ilmu perniagaan dan kewangan, **ILTIZAM Seni** melengkapkan para artis ini dengan keupayaan dan kecekapan untuk mengharungi persekitaran kompetitif dan menterjemahkan kreativiti mereka untuk mencipta nilai dalam jangka panjang.”

Sejak diperkenalkan pada 2023, **ILTIZAM Seni** telah menyokong pembangunan 21 artis Bumiputera yang berbakat. Pameran pada tahun-tahun lepas telah menjana pendapatan berjumlah lebih daripada RM180,000 untuk para artis muda ini, yang terus meneroka dan mengembangkan bakat kreatif masing-masing.

Kerjasama dengan Galeri **SARENG** memberikan pendedahan tentang proses kuratorial dan pembangunan pameran. Para artis muda mampu menjana pendapatan menerusi jualan karya seni mereka. “Kami menjemput para pengumpul seni, penggiat industri seni dan orang ramai untuk menelusuri karya seni yang dipamerkan ini, bukan sahaja untuk menerokai ekspresi seni yang baharu, tetapi juga untuk memainkan peranan dalam usaha menyokong generasi artis Malaysia yang baharu,” tambah Aliff Omar.

Antara komponen utama program residensi seni ini termasuk sesi pementoran secara perseorangan yang merangkumi penilaian, panduan dan kritikan membangun daripada artis jemputan dan mentor residen, di samping bengkel khusus berkaitan keusahawanan, literasi kewangan dan penjenamaan. Tempat penginapan, ruang studio yang luas, semua peralatan dan bekalan seni, makanan harian, serta elaun bulanan disediakan untuk semua RA sepanjang tempoh residensi. Julung kalinya di dalam program tahun ini, para RA berpeluang membuat lawatan lapangan ke Pattani, Thailand, ekspedisi yang penting dalam penghayatan perspektif budaya yang berbeza.

Para artis kitaran ketiga iaitu Aliff Danial (Selangor), Ammar Idris (Kedah), Mairul Malek (Sarawak) dan Khairanee Iro (Penang) menerima sijil daripada tetamu kehormat, Dato' Abdul Mutalib Alias. Setiap karya yang dihasilkan menampilkan pendekatan seni tersendiri yang terbentuk daripada pengalaman dan perspektif peribadi, meliputi pelbagai medium dan bahan yang diterokai. Secara keseluruhan, pameran ini menawarkan refleksi yang menarik terhadap bakat seni kontemporari artis Bumiputera, dengan penerokaan pelbagai tema, daripada landskap, emosi, memori, kehidupan seharian dan eksperimen bahan seperti tanah dan baja.

Pameran 'Alir' di SARENG Gallery, Tingkat 8, Menara Chan, Kuala Lumpur kini dibuka kepada orang ramai sehingga 16 Mei 2026 dan masuk adalah percuma. Pameran dibuka setiap hari dari 10 pagi hingga 5 petang, kecuali hari Ahad. Semua karya seni yang dipamerkan ditawarkan untuk jualan.

ILTIZAM Seni ialah sebuah inisiatif teras di bawah ILTIZAM, platform impak sosial Ekuinas yang memberi tumpuan kepada mewujudkan peluang pembangunan mampan merentas bidang keusahawanan, pendidikan dan komuniti.

-Tamat-

Mengenai Ekuiti Nasional Berhad

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) ialah syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan dengan matlamat membina syarikat-syarikat terkemuka generasi akan datang Malaysia sambil menggalakkan penciptaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Objektif utama Ekuinas ialah menjana nilai kewangan atas pelaburan untuk memastikan objektif sosialnya dicapai dengan cara yang mampan. Setakat ini, Ekuinas telah membuat pelaburan langsung dalam 48 syarikat dan 18 menerusi Pengurus Dana Persumberan Luar. Sektor sasaran terasnya termasuk pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, peruncitan, penjagaan kesihatan dan pembuatan. Ekuinas telah dipilih sebagai satu daripada 3 Firma Terbaik Asia Tenggara oleh Anugerah Ekuiti Persendirian Antarabangsa (PEI) bagi tahun 2018 dan 2019.

Dikeluarkan bagi pihak Ekuiti Nasional Berhad

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

acorn communications sdn. bhd.

Farah Aqilah di +60 19-917 4451 atau di +603 7958 8348 atau e-mel acorncommunications@acornco.com.my